



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

4/2023

KENYATAAN MEDIA

KUSKOP SEDIAKAN PERUNTUKAN LEBIH RM5 JUTA UNTUK BANTU GRADUAN MELALUI PROTÉGÉ

Kota Kinabalu, 31 Januari 2023 (Selasa) – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah memperuntukkan RM30 juta dalam Rancangan Malaysia ke-12 dengan sasaran 76,690 graduan, dan mahasiswa yang dibantu. Manakala bagi tahun 2023, lebih RM5 juta diperuntukkan untuk membantu 12,450 graduan dan mahasiswa melalui program-program yang dirancang oleh PROTÉGÉ. Daripada jumlah tersebut, RM1.5 juta akan digunakan untuk membiayai modul Entrepreneurship 101 (ETR 101) yang akan memberi manfaat kepada 5,000 peserta.

ETR 101 merupakan satu daripada tujuh modul wajib dalam Latihan Kemahiran Insaniah bagi Program PROTÉGÉ – RTW. Modul ETR 101 ini penting untuk mempersiapkan graduan dengan minda keusahawanan serta kemahiran-kemahiran penting yang dapat menyumbang semula kepada organisasi dan masyarakat.

Menurut YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, program Penempatan Latihan Kerjaya Graduan bersama Industri atau lebih dikenali sebagai program PROTÉGÉ Ready To Work (PROTÉGÉ - RTW) adalah pilihan yang tepat untuk dijadikan batu loncatan bagi graduan yang ingin membina kerjaya impian selepas bergraduasi. Program ini diteruskan dengan sasaran sebanyak 5,000 peserta pada tahun 2023.

Dalam majlis yang sama, YB Datuk Ewon juga turut menyempurnakan sesi penyampaian sijil penyertaan kepada 20 usahawan graduan di negeri Sabah yang telah menyertai Program New Gen Entrepreneur Online Bootcamp (N-GENE) pada tahun 2022.

Beliau telah merasmikan Program Keusahawanan dan Kebolehpasaran PROTÉGÉ KUSKOP 2023 bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC). Seramai lebih 600 graduan, mahasiswa daripada Institusi Pendidikan Awam dan Swasta dan usahawan graduan di sekitar Sabah turut hadir ke program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Program Keusahawanan dan Kebolehpasaran PROTÉGÉ KUSKOP 2023 merupakan *kick-start* bagi program-program yang dirancang oleh bagi tahun 2023. Program keusahawanan yang telah dirancang adalah Program Latihan Intensif dalam talian bagi Usahawan Generasi baru (New Gen Entrepreneur Online Bootcamp) (N-GENE), Program Penempatan Latihan Kerjaya & Keusahawanan TVET (Graduate Capacity and Employability Enhancement Program) (GRACE), Program Usahawan Perantis (Student-Preneur and Biz Apprenticeship Program) (SPACE) dan Program Kembara Kerjaya (Reach Out, Awareness and Developmental Program) (ROAD).

Turut hadir bersama di majlis perasmian adalah Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri Sabah, YB Tuan Phoong Jin Zhe, Menteri Belia dan Sukan Sabah, YB Datuk Ellron Alfred Angin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, dan YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP.

**Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs
(PROTÉGÉ)**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

31 Januari 2023

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

PUAN ZANAWIAH BINTI HASSAN

KETUA SEKRETARIAT PROTÉGÉ

Tel: 012-347 8575 | E-mel: zanawiah.hassan@kuskop.gov.my

